

Usah jadikan SOP alasan untuk kaut untung

Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) meminta pengusaha yang menaikkan harga perkhidmatan disebabkan prosedur operasi standard (SOP) untuk melihat semula kewajarannya.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, dalam keadaan sebarang peniaga tidak sepa-

tunya mengaut keuntungan.

Katanya, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan peniaga saja terjejas, malah pengguna pun ada yang terjejas kehilangan kerja dan dikurangkan gaji.

"Oleh itu, peniaga tidak boleh ambil kesempatan dan sepatutnya kebenaran kera-

jaan membenarkan perniagaan beroperasi semula perlu dihargai.

"Mereka kena lihat kewajaran kenaikan harga dan kita tidak mahu SOP dijadikan alasan peniaga kaut keuntungan.

Kita faham memang terdapat kos tambahan yang perlu ditanggung peniaga

terutama untuk membeli sa-
 rung tangan dan apron pakai-
 buang, tetapi biarlah kenai-
 kan itu berpada dan ber-
 patutan bukan sehingga
 RM5 bagi setiap pelanggan,"
 katanya kepada Harian Me-
 tro.

Menurutnya, jika boleh pi-
 hak berkuasa seperti Ke-
 menterian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Hal Ehwal
 Pengguna (KPDNHEP) cam-
 pur tangan dan ambil tin-
 dakan terhadap peniaga
 yang menaikkan caj per-
 khidmatan mereka sesuka
 hati.

Mohd Yusof berkata, KPD-
 NHEP lebih tahu berapa kos
 kenaikan yang sepatutnya
 dibuat oleh peniaga.



MOHD Yusof

Jangan jadikan SOP sebagai alasan naik harga



Mohd Yusof Abdul Rahman.

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

GABUNGAN Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) meminta pengusaha yang menaikkan harga perkhidmatan disebabkan prosedur operasi standard (SOP) untuk melihat semula kewajarannya.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, dalam keadaan sekarang peniaga tidak sepatutnya mengaut keuntungan.

Katanya, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan peniaga sahaja terjejas, malah pengguna pun ada yang terjejas kehilangan kerja dan dikurangkan gaji.

"Oleh itu, peniaga tidak boleh ambil kesempatan dan sepatutnya kebenaran kerajaan membenarkan perniagaan beroperasi semula perlu dihargai.

"Mereka kena lihat kewajaran kenaikan harga dan kita tidak mahu SOP dijadikan alasan peniaga kaut keuntungan.

Kita faham memang terdapat kos tambahan yang perlu ditanggung peniaga terutama untuk membeli sarung tangan dan apron pakai buang, tetapi biarlah kenaikan itu berpada dan berpatutan bukan sehingga RM5 bagi setiap pelanggan," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, jika boleh pihak berkuasa seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) campur tangan dan ambil tindakan terhadap peniaga yang menaikkan caj perkhidmatan mereka sesuka hati.

Mohd Yusof berkata, KPDNHEP lebih tahu berapa kos kenaikan yang sepatutnya dibuat oleh peniaga.

Apabila KPDNHEP sendiri campur tangan, sudah pastu peniaga tidak berani ambil kesempatan.

Namun, kita faham semua sektor perniagaan terjejas ketika ini, kalau kita tengok sektor lain seperti taska mereka ada diberi geran oleh kerajaan dan jika boleh kerajaan turut membantu sediakan geran kepada pengusaha bagi menampung kos penyediaan peralatan SOP mereka," katanya.

Dalam pada itu, mengenai harga tiket penerbangan yang dikatakan meningkat mendadak beliau berkata sekarang bukan masa yang sesuai untuk mengambil kesempatan.

"Saya rasa peluang untuk membuka semula operasi perniagaan adalah sesuatu yang perlu pengusaha hargai.

"Seharusnya, mereka faham tujuan pelaksanaan SOP ini adalah untuk memutuskan rantai Covid-19.

"Perlu diingat bahawa arahan menetapkan hanya separuh penumpang boleh dibawa, bukan dibuat saja-saja. Jadi dalam nak memutuskan penularan wabak ini, kita kena patuh SOP dan pada masa sama jangan naikkan caj sehingga membebankan pengguna," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/587852/jangan-jadikan-sop-sebagai-alasan-naik-harga>

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 9 Jun 2020 @ 7:34 PM